

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HSK 202 Teori Dan Kaedah Sejarah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN [9] SOALAN
DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan di dalam bahagian A dan mana-mana DUA [2] soalan di dalam bahagian B.

Bahagian A [40%] - Setiap soalan bernilai 10%.

1. Bincangkan secara ringkas apa yang anda faham sebagai 'fakta' dan 'bukti' dalam bidang sejarah.
2. Mengapakah dua orang ahli sejarah yang mengkaji perkara yang sama boleh membentangi pandangan yang bertentangan?
3. Bersetujukah anda bahawa ahli-ahli sejarah tidak dapat melepaskan diri daripada pengaruh kepentingan, kepercayaan dan nilai sezaman?
4. Apakah lunas-lunas objektiviti dalam bidang sejarah sememangnya jauh berbeza daripada lunas-lunas objektiviti dalam sains semulajadi?

Bahagian B [60%] - Setiap soalan bernilai 30%.

5. Nilai pandangan R.G. Collingwood bahawa Thucydides tidak berjaya membawa kemajuan kepada kajian sejarah kerana beliau masih terkongkong oleh corak pemikiran Yunani yang bersifat anti-sejarah.

...2/

6. Sejauhmanakah, pada pandangan anda, Ssu-ma Ch-ien berjaya mengatasi masalah-masalah yang wujud dalam tradisi tulisan sejarah Cina yang mengutamakan pengajaran moral?
7. Apakah pembaharuan yang dibawa oleh Ibn Khaldun kepada pemikiran sejarah sezaman? Mengapakah beliau berpendapat bahawa kajian peristiwa sejarah tidak boleh dipisahkan daripada kajian 'umran?
8. Setujukah anda dengan pendirian Leopold von Ranke bahawa hukum tertinggi untuk tulisan sejarah ialah persembahan tulen fakta yang tepat supaya memaparkan kembali realiti masa lampau?
9. Jelaskan dan nilaikan bagaimana SAMA ADA Aliran Marxis ATAU Aliran Annales telah menukar perspektif dan kaedah kajian sejarah.

--oo00oo--